

Keputusan Ogos



FOTO | Osman Adnan

>>Oleh Rosmaliana Aida
Mohd Adnan

rosmaliana@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Keputusan berhubung pembangunan semula Plaza Rakyat bersebelahan Hentian Puduraya yang tergendala lebih sedekad lalu akan diketahui Ogos ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata pada masa kini persetujuan sudah dicapai dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kontraktor yang dilantik perlu mengikut syarat serta peraturan ditetapkan.

Katanya, pihaknya kini hanya menunggu persetujuan kerajaan iaitu Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi membolehkan kerja pembangunan dijalankan mengikut jadual.

"Bagaimanapun, kontraktor berkecuali, pada masa ini, kita mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa dan jika mereka enggan melaksanakannya, kami ti-

dak akan teragak-agak mencari khidmat syarikat lain untuk melakukannya.

"Pada masa sama, masyarakat juga perlu memahami proses undang-undang yang mengambil masa lama untuk dilakukan tetapi mengikut persetujuan ditetapkan ia tidak mungkin akan melebihi tarikh ditetapkan (Ogos ini)," katanya.

Terdahulu, beliau melawat tapak pasar malam Jalan Telawi, Bangsar, di sini, serta mengagihkan risalah pencegahan virus selesema babi (H1N1) dan topeng muka kepada 325 peniaga sekitar kawasan berkenaan.

Sementara itu, Raja Nong Chik berkata, beliau terlambat untuk melakukan proses pencegahan, manakala kebanyakan pesakit yang dikesan dan dikuarantin kini adalah mereka yang dijangkiti selepas berada di negara-negara mengalami penularan wabak berkenaan.

"Kami memilih kawasan pasar malam ini sebagai tempat pertama disebabkan



MAKLUMAT...Raja Nong Chik (tengah) melihat poster kempen pencegahan penyakit selesema babi yang ditempatkan di kawasan pasar malam.

kan tempat ini bukan hanya dikunjungi penduduk sekitar tetapi juga orang luar dan pelancong asing.

"Malah, peniaga adalah golongan sasaran paling penting kerana mereka terdedah dengan maklumat yang dijual kepada

pengunjung dan pastinya faktor kebersihan perlu dititikberatkan untuk mengelak sebarang kejadian tidak diingini," katanya.